

**SMK SAUJANA UTAMA, IJOK
47000 SUNGAI BULOH
SELANGOR DARUL EHSAN
BAHASA MELAYU.
(ujian bulan Ogos)**

**TINGKATAN 2
MASA: 1 JAM**

Soalan 1 hingga soalan 6

Ayat-ayat di bawah mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandai dengan **A**, **B** atau **C**. Tandakan sama ada **A**, **B**, atau **C** jika ayat itu mempunyai kesalahan dan tandakan **D** jika tiada kesalahan dalam ayat berkenaan.

- 1 Beribu orang membanjiri Stadium Bukit Jalil untuk menyaksikan pameran
A **B** **C**
Pertanian, penternakan, dan penternakan. Tiada kesalahan.
D
- 2 Pemain badminton itu berkeras untuk teruskan perlawanan walaupun
A **B** **C**
Pergelangan tangannya masih belum sembuh. Tiada kesalahan.
D
- 3 Suasana di pasar riuh-rendah dengan suara pembeli dan penjual
A **B**
tawar-menawar. Tiada kesalahan.
C **D**
- 4 Tikus Belanda peliharaan Azida sungguh jinak. lanya makan kuaci,
A **B** **C**
ubi sengkuang, dan jagung. Tiada kesalahan.
D
- 5 Bangunan yang baru dibina itu akan diresmikan oleh Yang di-Pertuan
A **B** **C**
Agong. Tiada kesalahan.
C
- 6 Surat dari Kementerian Pendidikan itu memaklumkan bahawa Wilma telah
A **B**
dipilih untuk melanjutkan pelajaran ke luar negeri. Tiada kesalahan
C **D**

Soalan 7 hingga Soalan 15

Sebahagian daripada ayat-ayat yang berikut telah digarisi. Bahagian yang bergaris itu **mungkin mempunyai kesalahan** dalam penggunaan bahasa atau **mungkin juga tidak** . Jika anda menganggap bahawa bahasa ada bahagian yang bergaris itu **salah** dan perlu diubah, anda hendaklah **menandakan A, B,** atau **C** sebagai jawapan pilihan anda. Jika **tiada kesalahan** , tandakan D.

- 7 Taklimat itu diadakan dariapda pukul 9.00 pagi hingga 10.30 pagi.
A Diadakan pada pukul 9.00 pagi hingga 10.30 pagi.
B Mengadakan dari pukul 9.00 pagi hingga 10.30 pagi.
C Diadakan dari pukul 9.00 pagi hingga 10.30 pagi.
D Diadakan daripada pukul 9.00 pagi hingga 10.30 pagi.
- 8 Matanya memasuki habuk ketika membersihkan sarang lelabah di dinding rumahnya.
A Matanya dimasuki habuk ketika
B Mata beliau termasuk habuk semasa
C Mata ianya dimasuki habuk ketika
D Matanya memasuki habuk ketika
- 9 Lelaki yang cuba meragut beg gadis itu melarikan diri bila ternampak anggota polis.
A Bila dinampak oleh anggota polis.
B Apabila ternampak anggota polis.
C Apabila nampak anggota polis
D Apabila ternampak anggota polis.
- 10 Beberapa orang peragawati-peragawati sedang memperagakan fesyen pakaian tradisional.
A Beberapa peragawati
B berapa orang peragawati
C Beberapa orang peragawati
D Beberapa orang peragawati-peragawati.
- 11 Datuk menceritakan tentang pengalaman pahitnya semasa ditawan oleh tentera Jepun.
A Menceritakan pengalaman
B Menceritakan tentang pengalaman
C Menceritakan pengalaman ianya
D Menceritakan tentang pengalaman.
- 12 Raga yang dibuat dari buluh itu dijual dengan harga RM6.50 sebuah.
A Diperbuat oleh buluh.
B Buatan daripada buluh
C Dibuat daripada buluh
D Dibuat dari buluh.

- 13 Jambangan bunga yang cantik itu diletakkan oleh saya di atas meja solek.
A Saya meletakkan
B Terletak oleh saya
C Saya letakkan
D Diletakkan oleh saya
- 14 Burung pungguk digunakan untuk menghalau tikus sawah yang memusnahkan hasil tanaman para-para petani.
A Hasil tanaman para petani.
B Hasil tanaman para-para petani-petani.
C Hasil tanaman para petani-petani.
D Hasil tanaman para-para petani.
- 15 “Sila kembalikan buku ini pada minggu depan,” kata pustakawan yang bertugas kepada Kamarul.
A Kembalikan buku ini di minggu depan
B Mengembalikan buku ini kepada minggu depan.
C Kembalikan buku ini oleh minggu depan.
D Kembalikan buku ini pada minggu depan.

Soalan 16 hingga Soalan 22

Pilih ayat atau ayat-ayat yang betul dan tentukan bahawa anda **telah memilih jawapan cadangan yang paling sesuai**.

- 16 I Rancangan Majalah Tiga amat sesuai ditonton oleh semua peringkat umur.
- II Pak Samad mengambil sebilah parang lalu menuju ke kebun sayurnya.
- III Sistem letak kereta secara berkupon diperkenalkan untuk memudahkan orang ramai.
- IV Segala persiapan-persiapan majlis perkahwinan Shahira musnah dalam satu kebakaran.
- A I dan III sahaja
B II dan IV saja
C I, II dan III saja
D II, III dan IV saja.

- 17 I Sejak kebelakangan ini, kes pelajar yang terlibat dalam jenayah juvana semakin meningkat.
II Lelaki yang dirempuh oleh sebuah kereta itu meninggal dunia di tempat kejadian.
III "Kita akan bertolak pada pukul 7.00 pagi," beritahu Puan Su kepada anak-anaknya.
IV Encik Chua sedang dilayan tetamu yang mengunjungi.
A I, II, dan III saja
B I, III dan IV saja
C II, III dan IV saja
D I, II, III dan IV
- 18 I Masyarakat Malaysia terdiri dari berbilang-bilang kaum iaitu Melayu, Cina, dan India.
II Pelajar dikehendaki memulangkan semula semua buku-buku teks hari ini.
III Baju-baju kotor di dalam baldi itu belum berbasuh lagi.
IV Keenam-enam orang adik Ruhil masih bersekolah di sekolah rendah.
A II saja
B IV saja
C II dan IV saja
D I, III dan IV saja.
- 19 I Ghazali demam selsema bila bermain dalam hujan.
II Seni pertahan diri semakin diminati oleh golongan remaja.
III Azreen sedang hendak keluar ketika saya sampai di rumahnya.
IV Hadiah itu ialah untuk Cik Razak yang akan bersara tidak lama lagi.
A IV saja
B I dan II saja
C III dan IV saja
D II, III dan IV.
- 20 I Mahkamah telah terjatuh hukuman gantung sampai mati ke atas pengedar dadah itu.
II Pencemaran di tempat rekreasi itu berpunca daripada sikap pengunjung yang membuang sampah di merata-rata tempat.
III Sekumpulan remaja yang berpeleleran pada lewat malam itu ditahan oleh pihak polis.
IV "Patik akan melaksanakan perintah tuanku dengan secepat mungkin," sembah Hang Nadim.
A III dan IV saja
B I, II, dan III saja
C II, III dan IV saja
D I, II, III dan IV

- 21 I Mereka yang akan menghadiri seminar bahasa selama dua hari.
II Kanak-kanak ialah tergolong yang mudah meniru perbuatan orang dewasa.
III Dianggarkan bahwa berpuluh biji motosikal disita pada setiap hari.
IV Wajah Nasharuddin jauh berbeza daripada wajah saudara kembarnya.
A II saja
B IV saja
C II dan III saja
D II, III dan IV saja
- 22 I Pelajar yang bukan berdisiplin itu telah digantung sekolah.
II Kain sutera yang dibeli oleh ibu itu dibuat daripada ulat sutera.
III Mak Cik Rosnah melarang anaknya bernyayi di dapur.
IV Wakil rakyat itu amat mengambil berat sekali akan masalah orang ramai.
A II dan III saja
B III dan IV saja
C I, II dan III saja
D II, III dan IV saja.

Menentukan Maksud Ayat

Soalan 23 hingga Soalan 24

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

- 23 Kesedihan jelas tergambar pada wajahnya yang tidak dapat berhari raya di kampung halaman.
A Wajahnya yang kesedihan itu jelas menunjukkan bahawa dia tidak dapat berhari raya di kampung halaman.
B Wajahnya muram kerana dia tidak dapat pulang ke kampung halaman untuk berhari raya.
C Disebabkan tidak dapat berhari raya di kampung, wajahnya kelihatan begitu sedih.
D Kegagalan untuk pulang ke kampung halaman menyebabkan dia berasa sedih pada hari raya.
- 24 Adlina akan melangsungkan perkahwinan dengan pemuda pilihannya pada minggu depan.
A Pada minggu depan pemuda itu akan melangsungkan perkahwinannya dengan Adlina.
B Adlina dan pemuda pilihannya akan dikahwinkan pada minggu depan.
C Adlina memilih minggu depan untuk berkahwin dengan pemuda itu.
D Perkahwinan Adlina akan dilangsungkan pada minggu depan dengan pemuda pilihannya sendiri.

Baca petikan cerpen di bawah ini dengan teliti dan kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Tiba-tiba aku tergamam apabila di hadapanku kelihatan beberapa orang ahli PBSM sedang mengusung tandu begitu cemas lagaknya. Sekujur tubuh terbujur dalam usungan.

Ah, perkara biasa dalam setiap kejohanan di sekolah. Kalau tak keletihan, ada yang putus nafas dan pengsan tiba-tiba. Itulah gunanya rawatan kecemasan.

Sekonyong-konyong aku teringat dia. Mukanya biru. Aku membandingkan. Muka dia pun!

Entah kenapa aku terus meraung. Usungan berhenti. Mahu rasanya kudakap tubuhnya tetapi aku tidak pasti mengapa aku tidak lakukan itu.

“Cepat! Bawa dia ke hospital sebelum terlewat,” arahku seperti Tuan Pengetua saja. “Mungkin dia sakit jantung.....,” tokokku dalam sedu. “Tina pun beginilah.....”

Antara jelas dengan tidak, aku mendengar suara beberapa orang yang merungut-rungut membicarakan hal diriku.

“Dah kenapa dengan budak baru ni? Baru dua bulan di sini, dah macam-macam perangnya....”

Setelah menamatkan larian seharusnya aku menemuinya dan mengucapkan tahniah. Kemudian menyerahkan lima ringgit sebagai menunaikan janji.

Usungan tandu mendekati kawasan aku tercegat di sebelah khemah tetamu.

Ya Allah! Dia!

Ku turuti arah pengusung. Aku turut membantu. Tiba-tiba aku terlihat Tina yang terbujur.

“Siapa Tina yang disebutnya tu? Dia kata Tina macam ini.....”

“Dia pun sebut pasal sakit jantung.”

“Masakan si pesakit jantung boleh lari begitu hebat?”

“Anak kecil jantung berlubang, ayah susah hidup terbang.”

“Apa yang Tina cakap ni?” Kenapa sebut-sebut perkataan tu?”

“Kan betul bang? Dalam surat khabar tulis macam tu. Tina bacalah macam tu....”


(Antologi Seuntai Kata untuk Dirasa, halaman 59-60)

25 “Dia” mungkin sekali menghidap.....

- A Penyakit limpa
- B Penyakit jantung
- C Penyakit buah pinggang.
- D Penyakit tulang belakang

- 26 Mengapakah "aku" meraung apabila melihat "dia" diusung di atas tandu?
- A Kerana "aku" tidak mahu "dia" mati seperti adiknya.
 - B Kerana "aku" putus asa apabila melihat "dia" telah mati.
 - C Keana "aku" kecewa kerana sepatutnya "dia" mendapat tempat pertama dalam acara larian.
 - D Kerana "aku" sakit hati kerana "dia" tidak menamatkan lariannya untuk Rumah Hijau.
- 27 Kata-kata *ni* dan *tu* yang terdapat dalam petikan cerpen ini menunjukkan contoh.....
- A Simile
 - B Metafora
 - C Sinkof.
 - D Hiperbola.
- 28 Apakah tema yang ingin diutarakan oleh pengarang dalam cerpen Tina?
- A Kasih sayang suami isteri
 - B Kasih sayang abang kepada adik
 - C Semangat setia kawan
 - D Perjuangan mengejar cita-cita murni
- 29 Dalam petikan cerpen tersebut, "aku" digambarkan sebagai seorang yang.....
- A Panas baran
 - B Merendah diri
 - C Bertanggungjawab
 - D Pantang mengalah.
- 30 Apakah yang berlaku pada watak yang mengucapkan kata-kata di atas?
- A Meninggal dunia akibat demam denggi
 - B Terbunuh dalam kemalangan jalan raya
 - C Hidup menderita kerana cacat kakinya
 - D Meninggal dunia sebagai akibat menghidap penyakit jantung berlubang.

1. kaji graf palang di bawah ini dengan teliti. Berdasarkan maklumat yang terdapat dalam graf, buat suatu rumusan tentang suhu dan taburan hujan di bandar raya Kuching. Huraian anda hendaklah tidak melebihi 120 patah kata.



SKEMA – BAHASA MELAYU

Praktis 1: Graf

1. Pendahuluan
graf palang menunjukkan taburan hujan dan graf garis menunjukkan suhu di bandar raya Kuching.

Isi tersurat

- (a) Pada bulan Januari, Februari, Oktober dan Disember – bandar raya Kuching menerima hujan melebihi 400 mm.
- (b) Hujan paling kurang turun pada bulan Jun, Julai dan Ogos, iaitu kurang daripada 200 mm dan yang paling minimum ialah pada bulan Ogos, iaitu 180 mm.
- (c) Suhu paling rendah pada bulan Januari dan Disember, iaitu 26.5°C manakala pada bulan September suhu paling tinggi iaitu, 27.5°C.

Isi Tersirat

- (a) Bandar raya Kuching menerima hujan lebat antara bulan September hingga Februari kerana tiupan angin monsun timur laut.
- (b) Lokasi bandar raya Kuching di kawasan pinggir pantai sebanyak mempengaruhi taburan hujan dan suhunya.
- (c) Min suhu tahunannya ialah 27°C dan julat suhu tahunannya kecil, iaitu 1°C.

Penutup

Bandar raya Kuching yang mengalami iklim Khatulistiwa, iaitu panas dan hujan sepanjang tahun memungkinkan pelbagai kegiatan ekonomi dijalankan.

Disediakan oleh

.....
(Puan Azian)

Disemak oleh

.....
(Puan Rosina)

Disahkan oleh

.....
En. Hasbe